

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred F29	:	P1T1	RM1544.86	-	P1T21	RM3034.66
		P2T1	RM1615.95	-	P2T21	RM3237.37
		P3T1	RM1690.06	-	P3T21	RM3415.79
Gred F32	:	P1T1	RM2714.03	-	P1T10	RM3598.82
		P2T1	RM2924.27	-	P2T10	RM3890.78
Gred F38	:	P1T1	RM3034.68	-	P1T12	RM4636.41
		P2T1	RM3244.92	-	P2T12	RM5121.91

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29 : P1T1); atau

(ii) diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29 : P1T2);
 - dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik Berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas;
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3.	Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred F29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN	6.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :- (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8.	Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN	9.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED F32	10.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32 yang kosong apabila telah :- (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED F38	11.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F38 yang kosong apabila telah :-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT**

12. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.